

01/07/1998

Kemasukan Daim kukuhkan kerja berpasukan

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata, pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai anggota Kabinet boleh mengukuhkan kerja berpasukan bagi merangsang semula ekonomi negara dan menyelesaikan masalah.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak melihat pelantikan Daim sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri secara positif, bukannya membuat pelbagai tafsiran.

Malah, kata Timbalan Perdana Menteri, beliau dan Daim bekerjasama sejak bekas Menteri Kewangan itu dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) bagi menangani krisis ekonomi pada Disember tahun lalu .

"Saya berpendapat kita harus memandang perkara ini secara positif, dalam konteks bekerjasama untuk merangsangkan ekonomi dan mengatasi beberapa masalah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak, dekat sini.

Ini adalah ulasan pertama Anwar sejak Daim dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas berhubung pembangunan ekonomi, Rabu lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pelantikan itu adalah bagi membolehkan Daim menjalankan tugas dengan lebih berkesan, terutamanya dalam usaha menangani kegawatan ekonomi. Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, beliau menyedari terlalu banyak tafsiran mengenai pelantikan Daim dan ia memang tidak dapat dielakkan.

"Bagaimanapun, memang saya dimaklumkan oleh Perdana Menteri mengenai pelantikan itu dan saya melihatnya secara positif kerana selama ini kita bekerja sebagai satu pasukan," katanya.

Ditanya mengenai andaian banyak pihak kononnya pelantikan Daim itu, melemahkan kedudukannya, Anwar berkata: "Saya tidak perlu menjawab soalan negatif itu kerana kedudukan beliau dalam Kabinet akan meningkatkan peranan MTEN secara kolektif kerana ia dipengerusikan Perdana Menteri, saya sebagai timbalannya dan Daim sebagai anggota tetap.

"Kita bersama Tun Daim dan beberapa pegawai dari semasa ke semasa, malah hampir setiap hari, mengadakan pertemuan untuk mengkaji serta mengambil muafakat bagi mengendali masalah ini secara bersama," katanya.

Ditanya sama ada tugas Daim yang lebih menumpukan perhatian untuk menangani kegawatan ekonomi bertindih dengan tugas beliau sebagai Menteri Kewangan, Anwar berkata, perkara itu tidak berbangkit sama sekali.

Sebelum itu, Anwar yang juga Presiden UIA berkata, mesyuarat majlis hari ini meneliti perkembangan universiti dan mengambil kira keterbatasan dari sudut perbelanjaan.

(END)